

**TEKS UCAPAN : EN TAJUDDIN ATAN,
PENGURUS BESAR / KETUA EKSEKUTIF BSN
SEMPENA MAJLIS CABUTAN SSP JANUARI 2007**

Bismillahirrahmanirrahim...

Yang Berusaha Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia, YB Dato' Hj Norzam bin Mohd Nor
Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan

En Jamaluddin Nor Mohamad
Timbalan Pengurus Besar I (Perbankan Konsumer) BSN

En. Zakaria Saad, Pengarah Jabatan Perbankan Cawangan BSN

En. Ahmad Noh Jeni, Pengurus BSN Negeri Sembilan

Yang Dihormati, wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan,
Jabatan Aktuari dan Audit Negara

Pihak media massa, Tuan-tuan dan Puan-puan

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan selamat
sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah
kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini pada
majlis pelancaran hadiah-hadiah Sijil Simpanan Premium (SSP) dan
cabutan SSP yang pertama bagi tahun 2007. Terlebih dahulu saya

ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Dato' Hj Norzam bin Mohd Nor, Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan kerana telah sudi hadir sebagai tetamu kehormat pada majlis ini.

YB Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sejak bertahun lamanya, BSN telah melaksanakan mandatnya kepada Kerajaan dengan meluaskan kempen simpanan serta menyediakan saluran penabungan dan pelaburan. BSN telah memulakan operasi dengan membangunkan produk perbankan simpanan konvensional seperti Akaun Simpanan GIRO, Akaun Simpanan Tetap dan termasuklah SSP. Dengan konsep 'Terus Simpan dan Menang', produk SSP merupakan salah satu produk simpanan yang popular di kalangan rakyat Malaysia dan menjadi kebanggaan BSN.

Untuk pengetahuan hadirin sekalian, BSN mula memperkenalkan produk SSP pada tahun 1978 dan menawarkan hanya 213 hadiah setahun. Pada ketika itu, hadiah utamanya merupakan wang bonus sebanyak RM 50,000. Walaupun hadiah-hadiah yang ditawarkan agak terhad pada waktu itu, sambutan daripada orang ramai adalah amat menggalakkan.

Tahun demi tahun, produk SSP terus bertahan dan jumlah pemegang SSP semakin bertambah dan hadiah-hadiah yang ditawarkan juga meningkat. Apabila menghitung peningkatan hadiah-hadiah dari tahun 1978 hingga penghujung tahun 2006, BSN telah memberikan

sejumlah 146,212 bilangan hadiah kepada pemenang-pemenang cabutan SSP dengan nilai hadiah melebihi RM 100 juta. BSN boleh dikatakan telah mencipta satu 'fenomena' dengan SSP di mana kini BSN mempunyai lebih 1.2 juta pemegang SSP dengan jumlah lebih 83 juta unit SSP.

Hadirin sekalian,

Saya diberitahu oleh pegawai-pegawai BSN baik di ibu pejabat mahupun di cawangan bahawa ramai yang menantikan majlis cabutan SSP pada bulan ini terutamanya pemegang-pemegang SSP. Seawal bulan November 2006 lagi, BSN telah dihujani dengan panggilan dan pertanyaan mengenai hadiah-hadiah SSP tahun 2007. Nampaknya sudah tidak sabar-sabar lagi pemegang-pemegang SSP seluruh Malaysia hendak mengetahui hadiah-hadiah yang disediakan untuk tahun ini. Memang bukan mudah untuk kami menyimpan 'rahsia' ini. Tetapi percayalah, penantian dan kesabaran anda untuk pengumuman istimewa ini memang berbaloi.

Pada tahun ini, BSN telah meningkatkan lagi jumlah hadiah yang ditawarkan iaitu daripada 1,536 hadiah setiap bulan kepada 1,558. Ini bermakna sejumlah 18,696 hadiah ditawarkan pada tahun ini. Kategori-kategori hadiah juga telah bertambah daripada 12 kategori pada tahun lepas kepada 13 kategori tahun ini. Pemegang-pemegang sijil berpeluang memenangi sebanyak 13 hadiah utama setiap bulan berbanding 12 pada tahun lepas. Hadiah pakej pelancongan menyaksikan perlawanan bolasepak Liga Perdana Inggeris (EPL) yang mendapat sambutan cukup menggalakkan

dikekalkan pada tahun ini. Pada tahun lepas, seramai 12 orang pemenang pakej ini telah melakar kenangan yang bermakna apabila mereka bersama pasangan masing-masing berpeluang untuk menyaksikan perlawanan bolasepak EPL serta melancong ke Eropah. Yang menariknya tahun ini, sebanyak 2 orang pemenang akan dipilih setiap bulan bermakna 24 orang pemenang akan berpeluang menikmati pakej hebat ini. Terdapat pelbagai lagi hadiah-hadiah baru tahun 2007 ini yang akan kami umumkan sebentar saja lagi.

Selain daripada hadiah-hadiah yang lebih banyak dan menarik, BSN juga akan memberikan satu lagi insentif yang istimewa iaitu pemberian dividen kepada pemegang SSP yang mempunyai nilai simpanan berjumlah RM 2,000 ke atas. Pemberian ini adalah dengan syarat simpanan dilakukan di antara 1.1.2007 hingga 30.06.2007 dan disimpan sehingga 31.12.2007. Simpanan ini akan melayakkan pemegang sijil menerima dividen di dalam bentuk pulangan SSP dengan amaun minimum RM 10.00 dan pemberian dividen ini akan dilakukan pada bulan Februari atau Mac 2008; iaitu setelah kami mengisytiharkan kadar dividen.

Hadirin,

Setiap bulan saya gembira melihat BSN dapat menunaikan impian rakyat Malaysia daripada pelbagai peringkat umur dan latarbelakang memenangi hadiah-hadiah lumayan yang ditawarkan melalui cabutan SSP. Saya juga berbangga melihat kesungguhan pemegang-pemegang SSP untuk terus menambah simpanan mereka. Saya

pasti ada juga yang mengatur strategi, mengkaji 'trend' nombor-nombor sijil SSP, mendapatkan 'tips-tips' daripada pemenang yang terdahulu dan banyak lagi usaha lain untuk memenangi hadiah-hadiah menarik SSP. Percayalah, semua pemegang SSP dengan hanya simpanan minimum sebanyak RM10, mempunyai peluang sama rata untuk menjadi pemenang. Insya-Allah, sekiranya ia telah menjadi rezeki anda, pelaburan atau penabungan melalui skim SSP ini akan memberi peluang kepada anda untuk memenangi hadiah-hadiah lumayan yang ditawarkan.

Walaupun mungkin ada yang, bak kata orang 'kempunan' sedikit jika tidak menang, tetapi yang pastinya, tiada yang akan menggigit jari dan berputih mata, kerana simpanan anda masih ada serta terjamin. Tambahan pula, anda akan memperoleh insentif istimewa berupa dividen jika memenuhi kriteria-kriteria yang saya maklumkan sebentar tadi. Selain daripada itu, BSN juga dari masa ke semasa akan membuat promosi dengan rakan-rakan strategik korporat BSN untuk memberi pelbagai lagi insentif dan kemudahan bagi memanfaatkan pembelian dan simpanan setiap pemegang SSP yang kami hargai.

Hadirin,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengungkap sebahagian daripada perubahan atau transformasi yang telah kami laksanakan untuk terus memajukan BSN. Peningkatan jumlah pelanggan BSN yang kini berjumlah lebih 8 juta telah mendorong BSN untuk berkembang menjadi sebuah institusi yang lebih inovatif

dengan menawarkan pelbagai pilihan untuk memenuhi permintaan serta keperluan pelanggan kami. BSN kini giat memperkembangkan produk-produk kami untuk memenuhi citarasa pelanggan di samping terus memberikan fokus utama terhadap mutu perkhidmatan.

Antara produk-produk teras BSN adalah Pinjaman Persendirian, Pinjaman Perumahan, kad debit BSN Matrix dan Kad Kredit Visa dan MasterCard. Selain itu, BSN juga sentiasa mempertingkatkan inisiatif-inisiatif dengan menyediakan produk perbankan Islam yang berlandaskan prinsip Syariah. BSN telah memperkenalkan Akaun Simpanan Al Wadiah dan Akaun Pelaburan Mudharabah, Pembiayaan Peribadi-i, Perumahan-i, Pembiayaan-i PRIMA, kad debit BSN Matrix-i dan yang terbaru ialah kad kredit yang berlandaskan prinsip Syariah Bai' Al Inah atau jual beli yang dikenali sebagai AL AIMAN.

Kepelbagaian produk BSN menggambarkan komitmen dan inisiatif berterusan BSN dalam melaksanakan perubahan positif untuk menjadi lebih produktif dan inovatif dalam memenuhi kehendak serta keperluan pelanggan. BSN akan terus melaksanakan mandat yang sedia ada iaitu memajukan dan menggembeleng simpanan di samping memainkan peranan yang lebih agresif dalam mempelbagaikan produk dan kemudahan baru yang bernilai komersial.

YB Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya tidak berniat untuk berucap panjang pada hari ini kerana yang pastinya kemuncak acara adalah pelancaran dan pengumuman hadiah-hadiah SSP tahun 2007. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Dato' Hj Norzam bin Mohd Nor kerana sudi hadir bagi menjayakan majlis pada hari ini. Terima kasih kepada warga Negeri Sembilan yang sudi menerima kunjungan kami pada hari ini. Harapan saya, acara ini telah memberikan impak yang positif terhadap kesedaran menabung di kalangan masyarakat di sini serta memberi peluang kepada semua untuk melihat dan mengalami kelebihan BSN secara lebih dekat lagi. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pelanggan BSN, pihak media massa dan rakan-rakan strategik korporat BSN di atas sokongan yang berterusan terhadap kami.

Kepada yang beragama Islam, sempena dengan tahun baru Hijrah 1428 yang baru disambut pada minggu lepas, marilah kita bersama-sama berhijrah ke arah yang positif pada tahun ini. Kepada semua penganut agama Hindu saya ucapkan selamat menyambut Hari Thaipusam dan yang berbangsa Cina selamat menyambut tahun baru Cina "Gong Xi Fa Cai" tidak lama lagi.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahiwabarakatuh